

14 AUG 1996

AGONG UTUS PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN KOREA SELATAN

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Kim Young-sam sempena Hari Kebangsaan Korea Selatan ke-51.

Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah berharap Korea Selatan akan terus menikmati kemajuan dan kemakmuran.

"Beta berdua juga mengalu-alukan lawatan Tuan Yang Terutama ke negara beta pada November tahun ini," titah Seri Paduka.

Seri Paduka bertitah lawatan itu kelak akan meningkatkan perhubungan kedua-dua negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Lee Soon-sung berkata Malaysia dan Korea Selatan mempunyai banyak kepentingan bersama yang boleh dijadikan asas bagi memperluaskan hubungan dua hala.

"Saya berharap kita dapat terus bekerjasama rapat bagi memperkukuhkan hubungan antara Malaysia dan Korea Selatan," katanya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi juga menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Gong Ro-myung. -- BERNAMA

MAM NAK